



Ruj. Kami : KKM510-4/5/1 Jld. 9 (25)

Tarikh : 28 Oktober 2022

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

### **PENGUMUMAN TAWARAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (TAWARAN C) BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI 2023/ 2024 KEPADA PEGAWAI PERUBATAN PAKAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempelawa pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada pegawai-pegawai KKM yang memenuhi syarat permohonan bagi mengikuti kursus dalam perkhidmatan bagi sesi akademik 2023/ 2024.
3. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran ini boleh **dimuat turun** melalui laman sesawang: <http://ehlp.moh.gov.my> mulai jam 3.00 petang, **31 Oktober 2022 hingga 30 November 2022**. Iklan penawaran akan dijalankan secara manual sepenuhnya. Keputusan calon berjaya dijangka akan diumumkan pada bulan April/ Mei 2023 setelah semua urusan saringan selesai dan dimuktamadkan (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa).
4. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah diharapkan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AZLAN BIN AHMAD)**

Bahagian Pengurusan Latihan  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia



## **Senarai Edaran**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Semua Pengarah Kesihatan Negeri